

Dua kes baru dicatatkan, pasangan kekasih ditangkap

Ditahan selepas buang bayi

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN
zulsham@kosmo.com.my

MELAKA - Tembela pasang kekasih yang membuang bayi lelaki berusia lima bulan ke dalam tong sampah Hospital Melaka di sini terbongkar apabila kedua-dua mereka ditahan ketika ibu bayi itu mendapatkan rawatan di hospital tersebut kelmarin.

Kejadian pukul 4 petang itu terbongkar apabila kakitangan hospital berasa curiga melihat keadaan wanita tersebut seperti baru bersalin walaupun pada mulanya dia menafikannya.

Selepas didesak, wanita tersebut akhirnya mengaku yang dia baru sahaja melahirkan anak di dalam tandas hospital sebelum membuangnya di dalam tong sampah.

Bagaimanapun, pencuci

bangunan kemudian secara tidak sengaja telah memindahkan sampah yang mengandungi bayi tersebut ke dalam tong sampah besar.

Sehubungan itu, polis terpaksa mengambil masa selama dua hari untuk mencari mayat bayi tersebut dengan menyelongkar lebih 20 buah tong sampah sebelum ia ditemui pukul 1.50 petang semalam di pusat pengumpulan sampah hospital.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, Asisten Komisioner Mohd. Adnan Abdullah berkata, siasatan mendapati pasangan tersebut berusia dalam lingkungan 20-an dan merupakan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

"Sebaik menerima maklumat, kita telah melancarkan operasi mencari mayat bayi tersebut. Polis bernasib baik kerana menemuinya

semula," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka semalam. Tambahnya, wanita itu di-



SEORANG anggota polis memeriksa mayat bayi lelaki (dalam bulatan) yang ditemui di pusat pengumpulan sampah Hospital Melaka semalam. Gambar kecil pula ialah bayi lelaki yang ditemui di Seberang Takir, Kuala Terengganu.

teman lakinya pula diberkas di kawasan Batu Berendam di sini beberapa jam kemudian. Mereka di-

remam sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksan kerana menyembunyikan kelahiran

yang memperuntukkan hukuman penjara dua tahun atau denda.

Sementara itu di Kuala Terengganu, seorang pembantu kedai, Nur Hafiana Marzuki, 19, menemui seorang bayi lelaki seberat 3.03 kilogram pada pukul 10.15 malam di atas rumput dalam keadaan bogel di depan rumahnya di Jalan Hulu Takir, Seberang Takir dekat sini kelmarin.

Dia kemudian terus menyelimutkan bayi yang masih bertali pusat itu sebelum memaklumkan penemuan itu kepada bapanya, Lans Koperai Marzuki Hamid.

Bayi tersebut kemudian dihantar ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dekat sini. Selepas itu, Marzuki melaporkan penemuan itu di Balai Polis Gong Badak.

Dalam pada itu, Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Supritendan K. Manoharan memberitahu, setakat ini pihaknya masih belum membuat sebarang tangkapan.